

21/06/2002

`Kritikan bertujuan menyedarkan'

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan bahawa kritikan dan pendedahannya mengenai kelemahan orang Melayu semata-mata bertujuan menyedarkan mereka supaya tidak terus ketinggalan berbanding kaum lain.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada tindakannya itu dihargai, tetapi akan terus berbuat demikian selagi orang Melayu tidak mengubah sikap dan hanya mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

Umpamanya, kata beliau, orang Melayu perlu memberikan tindak balas sewajarnya terhadap dasar-dasar kerajaan untuk membantu mereka.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) misalnya, tidak akan mencapai matlamat jika hanya kerajaan yang memainkan peranan dengan menyediakan banyak peluang.

"Kejayaannya bergantung kepada respon golongan sasaran, yang mana mereka perlu bertindak secara saksama untuk memastikan dasar itu berjaya," katanya berucap melancarkan buku `DEB: Pertumbuhan Negara Dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam.

Buku yang membincangkan latar belakang sosio ekonomi DEB dan memberi gambaran sebenar situasi yang dihadapi bangsa Melayu dan Bumiputera selepas penstrukturan semula objektif DEB itu dihasilkan bersama oleh Dr Jusf Faaland, Profesor JR Parkinson dan Dr Rais Saniman.

Dr Faaland yang pernah menulis lebih 100 kertas kerja, jurnal penerbitan dan buku adalah juga pengasas pembentukan DEB di bawah pentadbiran Tun Abdul Razak. Prof Parkinson pula adalah Profesor Emeritus Ekonomi di Universiti Nottingham dan Dr Rais adalah penyelidik di Chr Michelsen Institute, Bergen.

Dr Mahathir berkata, beliau memang berminat membincangkan mengenai DEB sejak ia dilancarkan dan beliau gembira kerana ada persamaan dalam kandungan cadangan DEB dengan idea beliau dalam buku Malay Dilema.

"Saya tak tahu sama ada saya boleh dakwa itu (idea) hak saya. Tapi saya gembira kerana Dr Faaland yang mengupas mengenai buku ini juga merujuk kepada Malay Dilema," katanya.

Beliau berkata, selepas 32 tahun DEB dilancarkan, matlamat mencapai 30 peratus ekonomi untuk Bumiputera belum juga dapat dicapai dan setakat ini pencapaian hanya 19 peratus, itu pun dengan bantuan pelbagai institusi yang diwujudkan kerajaan.

Katanya, usaha ke arah mencapai matlamat berkenaan akan tetap diteruskan, walaupun beliau sendiri tidak pasti bilakah ia akan dapat dicapai.

(END)